

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26 August 2015

# Penubuhan jawatankuasa khas

WM-26/8/2015

Oleh KAMIL MASLIH  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OGOS

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas ekonomi dengan matlamat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi situasi ekonomi global tidak menentu.

Menurut beliau yang juga Menteri Kewangan, kerajaan komited untuk memastikan rekod baik yang dicatatkan negara dalam pertumbuhan ekonomi dapat diteruskan.

“Objektif jawatankuasa ini adalah untuk memastikan Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan yang kita telah bina, menjaga kemakmuran serta kualiti hidup lebih baik bagi seluruh rakyat Malaysia dalam keadaan yang mencair dan tidak menentu ini.

“Butiran lebih lanjut (mengenai) penubuhan jawatankuasa berkenaan akan diumumkan dalam waktu terdekat ini,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Cukai Kebangsaan 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar dan Presiden Institut Percukaian Malaysia (CTIM), Aruljothi Kanagaretnam.

Menurut Najib, beliau memberi perhatian terhadap keadaan ekonomi negara di samping perkembangan ekonomi dan kewangan global selain sentimen mengenainya.

“Gabenor Bank Negara dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti telah memberi laporan kepada saya baru-baru ini. Saya juga dimaklumkan mengenai perkembangan semasa daripada wakil-wakil pelbagai sektor ekonomi.

“Minggu lalu, saya telah menemui ketua ekonomi dan penganalisis



NAJIB TUN RAZAK diiringi Mohd. Shukor Mahfar ketika tiba pada Majlis Perasmian Persidangan Cukai Kebangsaan 2015 di KLCC, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

daripada institusi-institusi kewangan dalam serta luar negara dan semalam, saya berjumpa pemimpin-pemimpin korporat dan perniagaan. Pertemuan-pertemuan ini akan diteruskan dalam minggu mendatang,” katanya.

Beliau memberitahu, negara berdepan pelbagai cabaran terhadap pendapatan negara termasuk situasi tidak menentu dalam ekonomi dan kewangan global serta kejatuhan harga minyak dan komoditi lain.

“Bagaimanapun, saya mahu menekankan di sini bahawa asas ekonomi kita masih kuat. Kita mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus pada suku kedua 2015. Kita juga mempelbagaikan ekonomi kita untuk menjadikannya lebih berdaya tahan,” katanya.

Sementara itu, Najib meletakkan sasaran kepada LHDN untuk mencatatkan pungutan hasil sebanyak RM871 bilion dalam tempoh Ran-

cangan Malaysia Ke-11 (2016-2020).

“LHDN telah mencatatkan rekod baharu dalam pungutan cukai bagi tempoh empat tahun ini, daripada RM110 bilion pada 2011, kepada RM125 bilion pada 2012, RM129 bilion pada 2013 dan RM134 bilion pada 2014. Ini sememangnya pencapaian yang luar biasa,” katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan bahawa negara masih berdepan pelbagai masalah ketidak-

patuhan termasuk perubahan wang haram, penipuan cukai serta pemindahan haram merentasi negara.

“Untuk mengatasi perkara ini, interaksi dan kerjasama antara pentadbiran cukai, pengamal cukai dan pembayar cukai perlu ditingkatkan. Daripada segi kutipan hasil, ini bermakna mendekati pihak-pihak berkepentingan sebagai rakan kerjasama dan bukannya sebagai pelanggan yang keberatan atau sukar,” katanya.